



Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
(*Malaysia Coast Guard*)
Jabatan Perdana Menteri
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16
Bandar Sultan Sulaiman
42005 PELABUHAN KLANG
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100
Fax : 03-31765100

No. Rujukan : APMM.DM4.100-2/1/1(20)
Bertarikh : 25 September 2018

SIARAN MEDIA

BOT PUKAT TUNDA TEMPATAN GAGAL MELARIKAN DIRI

PELABUHAN KLANG, 25 Sept – Sebuah bot pukat tunda ditahan oleh bot ronda Maritim Malaysia Negeri Selangor pada jam 11.40 malam tadi, dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan pada jarak lebih kurang 3.6 batu nautika barat Sungai Sembilang.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Mohammad Rosli bin Kassim berkata, hasil pemeriksaan lanjut ke atas bot berkenaan mendapati tekong bersama dua orang awak-awak warga tempatan telah melanggar syarat sah lesen iaitu menunda bawah 5 batu nautika dari persisiran pantai, tidak memiliki jaket keselamatan, menutup lampu pandu arah dan menutup nombor pendaftaran bot.

“Mereka yang ditahan berumur dalam lingkungan di antara 38 hingga 69 tahun didapati sedang leka menunda dan cuba melarikan diri selepas menyedari kehadiran Maritim Malaysia Negeri Selangor. Mereka turut ditahan bersama ikan campur yang dianggarkan lebih kurang 200kg. Bot dan mereka yang ditahan diiringi Jeti Pulau Indah untuk siasatan lanjut,” ujar beliau.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pusat Operasi Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor : 03-31769100 / 03-31760634
LK II (M) Aisyah bt Mohamad Noor : 013-4796754